

**SIARAN MEDIA**

Untuk Siaran Segera

**JOM NAIK BAS RAPID KL KE MOTOGP 2024***Perkhidmatan bas ke Litar Antarabangsa Sepang*

**KUALA LUMPUR, 11 Oktober 2024** – Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus), selaku Penyedia Rasmi Perkhidmatan Bas ke MotoGP Malaysia 2024 akan menyediakan perkhidmatan bas ke Litar Antarabangsa Sepang (SIC) untuk acara sukan berprestij *Petronas Grand Prix of Malaysia 2024* yang akan berlangsung pada 1 hingga 3 November 2024.

Perkhidmatan bas tersebut adalah daripada tiga lokasi:

- Pasar Seni (sambungan perkhidmatan ke LRT Laluan Kelana Jaya dan MRT Laluan Kajang)
- KLCC (sambungan perkhidmatan ke LRT Laluan Kelana Jaya)
- Hab Bas KLIA2 (untuk pengunjung daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 2/ KLIA2)

Tambang untuk tiga laluan tersebut adalah seperti yang tertera di bawah:

LALUAN/ LOKASI NAIK & TURUN	HARGA TIKET
Pasar Seni/ KLCC ke SIC	RM20.00 sehala
	RM35.00 pergi-balik
KLIA2 ke SIC	RM12.00 sehala

Tiket-tiket untuk menggunakan perkhidmatan bas ini akan dijual mulai 15 Oktober 2024 di lokasi-lokasi seperti berikut: -

TARIKH & WAKTU	LOKASI
15 Oktober – 2 November 2024 6.00 pagi – 9.00 malam	Kaunter di Stesen LRT: KLCC, Masjid Jamek, Pasar Seni & KL Sentral
3 November 2024 6.00 pagi – 12.00 t/hari	
15 Oktober – 2 November 2024 9.00 pagi – 4.00 petang	Kaunter Kad Konsesi MyRapid, Hab Bas Pasar Seni
1 November – 3 November 2024 7.30 pagi – 12.45 t/hari	Kaunter 6, Aras 1, Hab Pengangkutan KLIA2

Pembelian tiket juga boleh dilakukan secara atas talian di: [shop.myrapid.com.my](http://shop.myrapid.com.my)

Para pengunjung dinasihatkan untuk membeli tiket lebih awal bagi mengelakkan kesesakan semasa beratur ketika membeli tiket pada saat akhir.

Selain itu, Rapid KL juga akan menyediakan perkhidmatan bas perantara percuma di dalam kawasan SIC ketika acara *Petronas Grand Prix of Malaysia 2024* ini.

Untuk maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan ini, sila layari laman web rasmi [www.myrapid.com.my](http://www.myrapid.com.my) dan melalui saluran media sosial Rapid KL.

[TAMAT]

Dikeluarkan oleh Rapid Bus Sdn Bhd.

